# Discover Harmony

**Nikmati percutian mewah dan berkongsi pengalaman empat elemen klasik landskap pesisir pantai di Avillion, Port Dickson.**









Seindah taman tropika Fairchild Tropical Garden di Miami, Sipadan Water Village Resort, Pulau Mabul, Borneo mahu pun Villa Bebek Bali yang terkenal dengan penggunaan batu lava gunung berapi mahupun pokok-pokok malar hijau beraneka struktur dan bentuk, Avillion turut menampilkan keunikan tersendiri. Jika mahu bercerita tentang konsep taman tropika itu sendiri, terlalu banyak kriteria dan konsep taman yang perlu diambil kira; tropika kontemporari, tropika-Bali, tropika-natural dan sebagainya. Namun apa yang pasti Avillion menyediakan pakej lengkap percutian untuk mereka yang idamkan *tropical hideaway*: sunyi dan jauh daripada hiruk-pikuk kota.

Atas alasan ingin suasana baru dan mood bertahan dengan tahap tinggi sedia ada, tuntutan bersantai sementara berlegar di sekitar penguasaan sentuhan tropika yang lebih sesuai dengan jiwa tempatan. Namun kini masyarakat dunia semakin berminat mendalami dan menyelami sentuhan tropika itu sendiri bukanlah kayu pengukur bagi memenuhi impian percutian eksklusif di Malaysia. Menampilkan gaya tropika sebenar, inilah sebuah resort berkonsep di Negeri Sembilan. Avillion dilihat sebagai antara 'pengubat rindu' pencinta alam di Malaysia.





**Gambar atas:** Dominasi tumbuhan air lotus di permukaan kolam utama menuju ke ruang lobi [illegible] dilengkapi dengan sebuah wakaf dan pangkin sebagai ruang melepas lelah dan *pit stop*.
**Gambar bawah kiri:** *kids pool* di *garden pool* ini terletak di lobi [illegible] hotel, memberikan [illegible] santai dan selamat untuk kanak-kanak mandi-manda. Dikelilingi oleh tumbuhan hijau dan [illegible]
**Gambar bawah kanan:** Replika kereta lembu dan [illegible] tradisional [illegible] tradisi dan pengaruh masyarakat Melayu Negeri Sembilan di laluan masuk ke 7 Negeri sebagai salah satu daya tarikan dan elemen menarik ke Avillion.

Di sini, bermula segala pertemuan dan pengalaman indah yang tidak terdapat di tempat lain. Setelah hampir 18 tahun bertapak di dalam industri perhotelan Malaysia, tidak banyak perubahan dilakukan terutamanya yang melibatkan pengubahsuaian struktur binaan bangunan. Inilah di antara keistimewaan yang terdapat di Avillion. Di samping mementingkan ketinggian nilai bermutu tarikan dan seni bina bangunan dalam mendapatkan kombinasi persekitaran yang sempurna, kebanyakan pokok asal tidak ditebang dan masih dikekalkan sehingga kini. Tidak hairanlah jika sebahagian tanaman pesisir pantai dan berpasir tumbuh matang mengiringi perkembangan Avillion setanding dengan usianya. Dari pintu masuk utama, pengunjung dapat menyaksikan sendiri bagaimana resort mewah ini dijaga rapi dan diselenggarakan dengan begitu baik.

Lokasi yang strategik memungkinkan lawatan masuk lebih baik, terletak di Batu 3, dan perjalanan 1 jam 15 minit dari Kuala Lumpur serta 25 minit dari Seremban menjadikan Avillion sentiasa mendapat perhatian umum. Sebaik melangkah masuk ke perkarangan lobi... terasa diri berada begitu jauh daripada segala kesibukan kota dan beban kerja. Lapang dan lepas bebas. Tambahan lagi melihatkan landskap laut dilihat indah terbentang luas, seakan-akan mata memandang umpama menanti kehadiran tetamu yang dihargakan ketenangan. Sesekali apabila keadaan laut menjadi tenang, kelihatan beberapa kawan burung terbang rendah mencari makanan.





Air, tanah, angin dan api; empat elemen klasik utama yang menjadi akar umbi kepada keharmonian alam semula jadi. Falsafah inilah yang telah diguna pakai sebagai panduan dalam membentuk dan menguruskan harta tanah Avillion Hotel Group. Sebagai satu penempatan hotel yang dibina menawarkan pengalaman perlindungan seesa elemen bumi, pengertian dinamik elemen angin, sensasi menenangkan elemen air dan efek transformasi elemen api. Ke semua karakter elemen klasik ini cuba diaplikasikan semaksimum mungkin dan diadun ke dalam persekitaran pelbagai tarikan, makanan dan kemudahan yang ditawarkan.

Di sebalik rimbunan pepohon tropika dan hamparan pasir memutih yang menganjur di sepanjang pesisir laut Selat Melaka, Avillion bersergam indah sebagai salah satu destinasi percutian terhebat untuk pasangan bulan madu atau berkeluarga. Berbekalkan seni bina bangunan berkonsepkan Perkampungan Nelayan Melayu Tradisional serta asimilasi dan pengaruh kebudayaan masyarakat Melayu dan Jawa, ***7 fingers*** (7 jejari) menjadi tarikan. Bagaikan jari jemari manusia, ***7 fingers*** adalah 7 jaringan chalet atas air (water chalet) dan rumah yang menganjur keluar ke tengah laut.

Tidak cukup rasanya jika tidak bercerita tentang sejarah resort tersohor ini. Sejarah pembinaan Avillion tercetus daripada pelayaran dan pengalaman menjelajah dunia ***Lord Jenning Avery***. Pelayarannya dari England mencari harta-harta di serata pelosok dunia telah membawa beliau kepada beberapa lokasi persinggahan. Setiap lokasi pelabuhan ***Lord Jenning Avery*** ini akhirnya mencetus idea bagi menamakan setiap chalet dan rumah di ***7 fingers*** seperti Pilau, Batavia, Rangoon, Cochin, Tumasek, Goa, Lisboa, Capetown dan Acheh. Manakala ***7 fingers*** dibina bersempena tujuh buah sampan yang dikatakan telah menyelamatkan ***Lord Avery*** semasa karam di lautan.

Dipupuk hampir 40 peratus kawasan hijau, Avillion menampilkan corak dan susun atur taman mengikut klasifikasi pembinaan taman yang sama bagi semua jenis pembinaan bilik dan chalet. Kesinambungan reka bentuk ruang yang terbentuk menampakkan kepekaan pihak pengurusan hotel mementingkan hubungan antara manusia dan alam. Menurut Ricky Chan selaku Pengarah Pembangunan Perniagaan, Resort ini dibina atas perbinaan pengaruh persekitaran budaya dan cara hidup masyarakat tempatan terutamanya Negeri Sembilan sekali gus membezakannya dengan resort-resort lain. Tumbuhan spesies tanaman asal kawasan pesisir pantai ini masih dikekalkan tanpa ditebang bagi memelihara dan pemuliharaan hutan. Kekuatan asas seni bina tempatan yang cuba diaplikasikan sepenuhnya membawa kepada kejayaan meraih beberapa anugerah seperti ***The Best Architecture Award*** Persatuan Arkitek Malaysia (PAM) bagi kategori Hotel & Resort pada tahun 2000 dan Anugerah Landskap Terbaik bagi Hotel dan Resort seluruh Negeri Sembilan pada 2006.





Yang menariknya tentang resort ini juga adalah kepintaran memberi informasi tentang spesies tanaman herba popular dengan menyediakan sudut ilmu seperti **Spice Farm** atau ***SPA Garden***. Konsep 3 dalam 1, bersantai, berhibur sambil menimba ilmu pengetahuan semestinya sesuatu yang menyeronokkan ketika bercuti di hujung minggu. Pengunjung bakal diperkenalkan dengan 'April' seekor ayam serama yang paling popular di Avillion memandangkan ia telah lama 'menghuni' kawasan ini. Anak dan isteri berjalan-jalan setiap kali dilepas keluar membuatkan pengunjung merasa seperti berada di tempat sendiri. Pada ketika ia dilepaskan, April lebih gemar 'bersiar-siar' menaiki 'tangga pusat' ke ***Fair Winds House*** yang telah lama ditinggalkan terletak bersebelahan Avillion. Haiwan-haiwan peliharaan lain di ***Pet Farm*** ditempatkan dalam satu lingkungan rangkai setinggi 100 cm dan ini memudahkan pengunjung berada lebih dekat dengan haiwan kesayangan mereka.






**Dua gambar kanan:** Spice Farm, menempatkan pelbagai jenis herba dalam susun atur yang menarik membentuk laluan teduh di kawasan dalam dan ruang rekreasi bahagian luar. Ruang ini turut dilengkapi papan sebagai sudut informasi tetap supaya pengunjung tahu dengan lebih jelas tanaman herba berbunga cantik dan harum.

**Gambar bawah kiri:** Salah satu lagi daya tarikan di Avillion, ***Pet Farm*** yang dipenuhi dengan ayam kampung, burung merak, kura-kura, arnab dan lain-lain yang terletak di laluan utama ke ***water chalet***.



Sambil mengklasifikasikan Avillion sebagai sebuah resort premium, Rudy menambah lagi, "Pada awal tahun pembinaannya, Avillion cuba direka bentuk sebaik mungkin bagi memenuhi permintaan tempatan dan antarabangsa. Pada masa sama pemilik mahu menjadikan Avillion sebagai sebuah pembangunan resort paling unik pada masa itu (1990-an) di Malaysia memandangkan tiada pembinaan resort di atas laut seperti ini". Bagi mengekalkan suatu pendekatan dan konsep reka bentuk tropika yang begitu sinonim dengan penggunaan kayu untuk jangka masa yang lama, pembinaan Avillion dibuat dengan kayu cengal dan belian yang telah dirawat agar tahan cuaca dan angin laut. Penyelenggaraan yang tidak dikawal dan berterusan hanya membuatkan struktur binaan cepat reput dan menjadi 'bahan rebutan' serangga perosak terutamanya anai-anai.

Biarpun kelihatan agak sesak dengan deretan pepohon tua dan matang setinggi 50 kaki, namun komposisi binaan bangunan dan aras tanah yang berbeza membuatkan ia nampak sensasi, mengiringi keseimbangan reka bentuk mengikut skala pembinaan. Jika dilihat dari ***water chalet***, Avillion memiliki tiga aras tanah yang berbeza bermula dari bangunan pentadbiran dan lobi hotel, ***Jungle Fringe Karaoke & Bar, Crow's Nest Restaurant*** diikuti dengan ***Village Pool & Court Restaurant*** dan aras paling rendah di ***water chalet***.



“Pada awal tahun pembinaannya, Avillion telah di reka bentuk sebaik mungkin bagi memenuhi permintaan tempatan dan antara bangsa. Pada masa sama pemilik mahu menjadikan Avillion sebagai sebuah pembangunan resort paling unik pada masa itu (1990-an) di Malaysia memandangkan tiada pembinaan resort di atas laut seperti ini”







Di samping itu, Avillion cuba 'digubah' dalam aturan dan susun atur persekitaran binaan bangunan dan persekitaran bergaya dengan menampilkan dekorasi penuh emosi dan aplikasi hebat binaan bangunan di atas laut. Bayangkan saat lena dibuai dengan bunyi-bunyian air menghempas pantai dan alunan ombak setiap kali berlakunya pasang surut. Atau nikmati detik indah tanpa tubuh ketika menyandarkan diri dengan belaian hembusan bayu laut di ruang tamu terbuka, bahagian atas memandang awan biru dan bahagian bawah laut terbentang. Konsep bilik mandi '**open shower**' di **water chalet** juga merupakan antara dekorasi bilik paling kreatif pernah dipaparkan. Tidak kurang juga beberapa ruang santai terbuka ke laut lepas dibina di beberapa sudut seperti beberapa buah sofa di pelantar kayu lengkap dengan perabot taman lain.









**Discover harmony**, sememangnya bertepatan dengan tema dan konsep pembinaan resort yang dikelilingi oleh khazanah alam semula jadi. Lengkap dalam satu pusingan reka bentuk ruang santai luar dilengkapi oleh laluan ***nature walk*** membina binaan laluan pejalan kaki yang selesa dan sentiasa dikelilingi oleh kehijauan, pengunjung dapat menikmati keadaan semula jadi yang tiada tolok bandingnya. Di antara spesies tanaman asal yang masih baik dipelihara sehingga ke hari ini adalah pokok hujan-hujan, ***Akasia***, pokok Ketat, Jambu Laut, Chendana dan beberapa spesies tanaman renek seperti pokok kari dan belimbing buluh yang boleh didapati dengan mudah di sekitar kawasan resort menggunakan laluan nature walk. Ini bermakna pengunjung dapat beriadah dan mandi manda di kolam renang berteman hutan dan pepohon merendang sambil melihat karenah sang burung merak berkeliaran mengambil udara. Malah pengunjung turut disajikan dengan suasana natural kehidupan haiwan liar yang dibiarkan menghuni dan berkongsi ruang seperti ***dusky monkey***, tupai dan 30 jenis burung. Bukan dongengan, tetapi jangan bimbang, haiwan-haiwan ini bagaikan saling memahami dan tidak mengganggu pengunjung yang datang.

Corak pembahagian ruang juga memperhatikan bagaimana ruang binaan tersusun berhadapan dan sudut informasi seperti **bird cage**, tema, kafe, ***Pet Farm*** dan ***Spice Farm*** atau ***SPA Garden*** dibina dalam bentuk linear bersebelahan dari kawasan bilik dan chalet. Manakala kolam renang disediakan mengikut tema masa penggunaan. ***Cachin's pool*** yang dibuka 24 jam sehari turut mempamerkan keunikan binaan raised up pool, pada aras tanah agak tinggi dari laluan pejalan kaki ditempatkan di lokasi yang agak jauh tetapi masih di dalam laluan utama ke water chalet. "Ia dibuka khas bagi mereka yang tiba pada waktu malam tetapi masih ingin bersantai terutamanya pengunjung dari luar negara. Mereka boleh mandi-manda pada bila-bila masa sebelum pulang pada keesokan harinya". Ricky menguatkan lagi apabila ditanya tentang misi kolam ini dibuka setiap masa. Tidak kurang juga ***Garden Pool*** yang menjadi titik fokal keseluruhan resort dibina secara berpisah antara ***Village Pool*** dan ***Kids Pool***. Di sinilah pengunjung dapat menikmati.

Menguatkan lagi pengaruh tempatan ke dalam resort bertaraf antarabangsa ini, hampir 90 peratus yang diambil bekerja adalah terdiri daripada penduduk tempatan yang diharap dapat membantu mempamerkan keunikan budaya dan adat tempatan sebagai salah satu langkah mempromosi negara termasuklah dalam pengambilan pekerja-pekerja yang terlatih. Kini, penggemar aktiviti santai mempunyai peluang memilih destinasi percutian bertaraf antarabangsa namun berciri tempatan. Apa yang perlu hanya hanyalah masa yang sesuai dan nikmati sendiri landskap resort pesisir pantai dengan segala keindahan ciptaan tuhan dan buatan manusia dalam satu peratusan taman dan dekorasi terbaik sepanjang zaman.



Apa yang anda perlu tahu tentang

## Monyet Dusky Leaf

1 Nama saintifiknya ialah **Trachypithecus Obscurus**

2 Panjangnya boleh mencapai sehingga 41 cm bagi kepala dan badan

3 Ia memiliki ekor sepanjang 50 cm hingga 85cm

4 Ia memiliki pelbagai warna pada badan

5 Ia menjadikan daun muda, pucuk muda, buah dan bunga sebagai makanan

6 Makan sebanyak 2 kilogram makanan sehari